

21 MAY 2002

Rais-Saksi/I

SKIM PERLINDUNGAN SAKSI MUNGKIN DILAKSANAKAN TAHUN DEPAN

KUALA KLAWANG, 21 Mei (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata skim perlindungan saksi mungkin diperkenalkan di negara ini pertengahan tahun depan.

"Saya akan cuba meminta pihak berkuasa berkaitan untuk memulakan usaha itu. Ia akan mengambil masa tetapi jawatankuasa yang bekerjasama dengan saya, polis, peguam negara dan Kementerian Dalam Negeri sudah tidak sabar untuk membentangkan kertas kerja mengenainya secepat mungkin," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian projek menaiktaraf Jalan Seremban-Kuala Klawang-Simpang Pertang oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dekat sini hari ini.

Dr Rais berkata sejumlah besar rakyat atau bukan warganegara agak keberatan untuk tampil menjadi saksi penting kerana bimbang keselamatan mereka.

"Bukan sahaja pihak berkuasa perlu melindungi mereka, tetapi juga harus menempatkan mereka di rumah yang selamat, rumah yang tidak diketahui orang awam. Ini merupakan teras utama skim itu," katanya.

Dr Rais berkata beliau belum lagi dapat menentukan skop skim itu kerana beliau hanya telah meneliti modul yang digunakan Amerika Syarikat semasa mengikuti rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Beliau akan pergi ke Australia awal bulan depan, juga untuk meneliti modul yang digunakan negara itu.

"Saya yakin negara kita mampu mewujudkan modul kita sendiri yang diubahsuai mengikut cara kita," katanya.

Beliau berkata perkara itu tidak perlu dilaksanakan secara terburu-buru tetapi harus diteliti dari pelbagai aspek, termasuk mungkin membuat pindaan terhadap akta tertentu yang difikirkan berkaitan.

Ada pihak mencadangkan supaya skim itu diletakkan di bawah Jabatan Peguam Negara atau polis tetapi Menteri Dalam Negeri patut diberi kuasa sebagai pentadbir yang tertinggi dalam soal melibatkan keselamatan, rahsia dan keberkesanannya, katanya.

-- BERNAMA

APG RON